

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR TAN SENG GIAW [ KEPONG ]**

**TARIKH : 19 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7532**

**SOALAN:**

**Dr Tan Seng Giaw [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan syarikat keselamatan swasta, syarat yang dikenakan dan bilangan pengawal terlatih dan tidak terlatih dalam negara ini.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Dalam Negeri telah meluluskan sebanyak 767 buah syarikat bagi menjalankan urusan kawalan keselamatan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.**

**Di antara syarat-syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan lesen di bawah Akta ini ialah:**

- 1. Syarikat hendaklah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;**
- 2. Pemohon terdiri daripada sekurang-kurangnya bekas pegawai tinggi Polis DiRaja Malaysia atau Angkatan Tentera DiRaja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya Asisten Komisioner Polis (ACP) atau Kolonel. Bagi seseorang bekas pegawai awam dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional pula, ianya hendaklah berpangkat sekurang-kurangnya gred 52;**
- 3. Memiliki modal berbayar RM300,000.00;**
- 4. Pegangan saham syarikat hendaklah dimiliki oleh Bumiputra sebanyak 70%; dan**
- 5. Semua pemohon hendaklah lulus tapisan keselamatan oleh pihak polis.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi meningkatkan *standard* pengawal keselamatan tempatan yang berkualiti, Kerajaan telahpun memperkenalkan program latihan *Certified Security Guards (CSG)* melalui inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Setakat ini seramai 12,290 telah dilatih di bawah Program Latihan ini dan program ini dijalankan secara berterusan.**